

**Georgetown:** Tiga wanita 'berputih mata' selepas masing-masing kerugian sebanyak RM1.02 juta, RM439,000 dan RM203,200 akibat terpedaya dengan *Macau Scam*.

Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Fisol Salleh berkata, dalam kejadian pertama pada 19 Disember lalu, pihaknya menerima laporan daripada seorang kerani berusia 49 tahun yang menerima panggilan daripada suspek yang menyamar sebagai kakitangan Pos Malaysia.

Menurutnya, suspek mendakwa terdapat bungkusan yang mengandungi kad pengenalan atas nama mangsa sebelum menyambungkan talian itu kepada 'pegawai polis' Ibu Pejabat Po-

# Pindah wang RM1.02 juta ke 13 akaun berbeza

lis (IPK) Sabah dan Bukit Aman.

"Suspek mengatakan mangsa terbabit dalam pengubahan wang haram dan diminta membuat pemindahan wang secara berperingkat berjumlah RM1.02 juta ke 13 akaun berbeza.

"Laporan kedua yang diterima pada 23 Disember lalu adalah daripada seorang guru berusia 47 tahun yang mendakwa dihubungi suspek yang menyamar sebagai kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Cawangan Ipoh berkaitan pe-



*Orang ramai dinasihati supaya tidak melayan panggilan telefon daripada mana-mana pihak yang mendakwa diri terbabit jenayah atau sedang disiasat"*

**Fisol Salleh**

masangan meter di sebuah taman perumahan yang menggunakan nama mangsa.

"Panggilan kemudian disambung kepada 'pegawai polis' yang mengatakan mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram sebelum diminta melakukan sebanyak 15 transaksi berjumlah RM439,000 ke lapan akaun bank yang berbeza," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut Fisol berkata, laporan ketiga diterima daripada guru berusia 41 tahun, juga menerima panggilan daripada ibu pejabat Pos Malaysia

mendakwa mangsa mempunyai kiriman dokumen mengandungi kad kredit dan kad pengenalan.

Katanya, mangsa juga diminta membuat pemindahan wang secara berperingkat berjumlah RM203,200 ke beberapa akaun yang berbeza.

Kesemua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai dinasihati supaya tidak melayan panggilan telefon daripada mana-mana pihak yang mendakwa diri terbabit jenayah atau sedang disiasat.

"Perlu diingat bahawa tiada urusan siasatan dan pendakwaan dilakukan menerusi telefon dan memerlukan pemindahan wang," katanya.